


Lain-lain
 Galeri Foto
 Versi Mobile
 Arkib
 Iklan
 Langgan ePaper
 SMS Alert
 Facebook
 Sign in

rencana

ARKIB : 13/09/2011

Perjuangan tanpa prinsip punca kehancuran

Oleh PROF. MADYA DR. SAODAH ABD. RAHMAN

PARTI politik yang tidak mempunyai prinsip dan objektif yang mantap tidak mungkin mampu mengendalikan urusan kenegaraan.

Jika parti politik begini memimpin sesebuah negara ia akan menjuruskan negara tersebut ke arah sistem pemerintahan anarki (keadaan di mana sistem perundangan dan pentadbiran diabaikan dan negara akan menjadi kucar-kacir).

Parti politik di bawah kepimpinan umat Islam sepatutnya lebih teliti dan prihatin terhadap kemantapan objektif dan prinsip perjuangan parti agar kedudukan dan kewibawaan agama dapat dipertahankan.

Prinsip dan objektif perjuangan umat Islam amat berbeza dengan masyarakat sekular dan atheist dalam menentukan sistem dan corak kepimpinan dan pentadbiran negara.

Parti politik yang memperjuangkan Islam tidak akan menggadaikan maruah agama walaupun sukar untuk mendapat kemenangan dalam pilihan raya kerana objektif dan prinsip perjuangan mereka ialah membentuk sebuah negara Islam dihormati.

Malangnya, dalam konteks masa kini umat Islam hilang pertimbangan dalam menentukan hala tuju perjuangan parti politik mereka. Peringkat awal penubuhan parti politik yang memperjuangkan Islam melaungkan slogan anti sekularisme, sosialisme dan komunisme mampu mempengaruhi minda dan pemikiran masyarakat Islam menolak sistem pemerintahan komunis.

Para ulamak dan pejuang nasionalis Melayu zaman dahulu menentang komunis walaupun ketika itu negara ini berada dalam naungan kerajaan British.

Penentangan terhadap sistem pemerintahan komunis adalah berdasarkan kepada prinsip perjuangan komunis yang ingin menghapuskan masyarakat beragama dengan memperkenalkan sistem kehidupan yang bertentangan dengan fitrah kehidupan manusia yang diciptakan oleh Allah.

Kekejaman komunis terhadap masyarakat yang menganut agama bukan sahaja dirasai oleh masyarakat Islam malah masyarakat agama lain.

Umat Islam yang menganut ideologi komunis dianggap sebagai murtad kerana komunis tidak mempercayai Allah. Umat Islam yang menyokong perjuangan komunis boleh dikategorikan sebagai munafik kerana ia bekerjasama dengan pejuang komunis untuk menyebarkan pengaruh mereka di kalangan manusia.

Penderitaan masyarakat Islam di Xinjiang, China dan Yugoslavia seperti Albania dan Bosnia semasa di bawah pemerintah sistem komunisme dan sosialisme sepatutnya di fahami oleh umat Islam dalam negara ini.

Kesan daripada sistem pemerintahan itu menjadikan umat Islam hilang akidah, syariah dan akhlak Islam. Untuk menghidupkan kembali akidah, syariah dan akhlak Islam maka masyarakat Islam dalam negara tersebut terpaksa mengorbankan berpuluh ribu nyawa.

Perjuangan untuk mengembalikan autonomi wilayah dan agama Islam daripada cengkaman komunis dan sosialis memerlukan pengorbanan berpuluh ribu nyawa umat Islam. Peristiwa dan pengalaman pahit begini tidak pernah dirasai oleh umat Islam dalam negara ini selepas mendapat kemerdekaan.

Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh 5:52
 Zohor 1:19
 Asar 4:31
 Maghrib 7:24
 Isyak 8:34

[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)

SEMBANG ONLINE BERSAMA
 DATUK ROSYAM NOR
 Selasa 21 Oktober 2014, 2 petang



DIY business for  **diy** PRINTING SUPPLY .COM

PROFITABLE
Button Badge
Printing Business

START NOW



-  **Dengar SuriaFM**
Radio SuriaFM Menceriakan Dunia
-  **Ruh Rio Brazil 2014**
Laman web mikro bola sepak Piala Dunia 2014
-  **Tragedi Pesawat MH370**
Utusan Live lapor kehilangan pesawat MH370
-  **KE7B Greenland 2014**
Laporan Ekspedisi KE7B Greenland Malaysia 2014

IKLAN@UTUSAN

→ 300px

250px ↓

RUANG IKLAN
UNTUK DISEWA

www.utusan.com.my/Jom_Iklan

Kekejaman manusia yang memperjuangkan ideologi dan tidak menganuti agama tidak dapat digambarkan oleh manusia yang dididik dengan unsur-unsur keagamaan. Pejuang komunis beginikah yang ingin ditonjolkan sebagai hero dalam negara ini?

Perjuangan parti mesti mempunyai matlamat dan objektif yang berdasarkan kepada keredaan Ilahi. Jika perjuangan hanya berdasarkan kepada emosi yang terlalu ghairah kepada kuasa maka prinsip dan objektif perjuangan yang murni bertukar menjadi perjuangan yang berteraskan kuasa dan materialistik.

Perjuangan begini tidak ada bezanya dengan para pejuang ideologi yang mengetepikan akidah, syariah dan akhlak Islam walaupun keterampilan diri dan slogan dilaungkan itu pemimpin parti itu menampakkan kesungguhan untuk membentuk negara Islam.

Menang dan kalah merupakan lumrah perjuangan dalam arena politik. Kekalahan sepatutnya dilihat dalam perspektif kelemahan dan kesilapan yang perlu diperbaiki. Kemenangan merupakan ujian yang perlu diawasi supaya kejayaan tidak menjurus kepada keangkuhan, salah guna kuasa dan korupsi.

Kekuatan dalam arena politik sering diukur dengan pembangunan material dan spiritual. Kedua aspek ini perlu diimbangi supaya negara dapat dibangunkan secara pantas dan pesat. Parti politik yang hanya menumpukan perhatian kepada aspek spiritualiti tanpa menumpukan perhatian kepada pembasmian kemiskinan dan penyediaan kemudahan asas kepada rakyat tidak mungkin dapat mempertahankan kuasanya.

Begitu juga dengan parti politik yang hanya menumpukan perhatian kepada aspek material dan membelakangi agama dan spiritualiti tidak mungkin dapat membentuk masyarakat bertamadun lantaran kekosongan jiwa dan krisis moral.

Kongsi Konten di :



Shell Jobs Available >

shell.com.my/Careers

Shell is in search of people curious to explore a better future.

Clarizen® Official Site v

Hotel Seri Malaysia Genting Highlands v

Malaysia Storage Service v

TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:

- Tugas besar menanti Malaysia di UNSC
- Mana ada kelas pakai nama Melayu...
- Bersihkan agensi penguatkuasaan daripada pengkhianat
- BISIK-BISIK AWANG SELAMAT
- Mistik belantara
- Jelmaan bigfoot, pontianak usik pendaki
- Khemah digoncang lembaga
- Diekori pocong puncak Nuang
- Terserempak kumpulan pembawa obor
- 'Disapa' jin tanah di Kem Lolo
- Gangguan boleh mendatangkan mudarat
- Jutawan bekas pengemis
- Kamera rakam perbuatan keji jururawat lelaki
- Bukan mudah bergelar haji dan hajjah
- Citra negara perlu dalam pelaksanaan dasar bahasa
- Lebih baik miskin material daripada miskin jiwa
- BISIK-BISIK AWANG SELAMAT
- Pluralisme produk liberalisme
- Projek sturgeon dan Taman Negara
- Tokoh pentadbir terbilang



IKLAN@UTUSAN

→ 300px

250px ↓

RUANG IKLAN
UNTUK DISEWA

www.utusan.com.my/Jom_Iklan

ePlayer Sukan

MENARIK

Ruang iklan percuma hartanah, produk
Promosikan perniagaan anda kepada dunia.

Jom langgan akhbar Utusan Malaysia
Dapatkan terus akhbar dengan cara mudah.

Aduan sukar dapat naskhah akhbar
Beritahu kami jika akhbar tiada di tempat anda.

Gambar kahwin Album Raja Sehari
Abadikan kenangan indah anda di dada akhbar.

Mari baca Utusan Melayu Mingguan
Kekalkan tradisi, pelajari tulisan jawi.

SMS News Alert Utusan Malaysia
Dapatkan berita terkini di telefon bimbit anda.